

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1999/2000

FEBRUARI 2000

RMK 152 – Prinsip-Prinsip Ekonomi Bangunan


Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH BELAS** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Soalan ini terbahagi kepada **BAHAGIAN A (OBJEKTIF)** dan **BAHAGIAN B (SUBJEKTIF)**.

BAHAGIAN A (OBJEKTIF) (Jawab **SEMUA** soalan - 50 MARKAH)


1. Hukum permintaan menyatakan perkaitan di antara permintaan sesuatu barangan dengan satu angkubah sahaja, manakala angkubah lain diandaikan tetap. Apakah angkubah ini?
 - A. pilihan pengguna
 - B. pendapatan pengguna
 - C. harga barangan itu
 - D. harga barangan lain
2. Pemuluan pembelian sesuatu barangan, 'A' oleh pengguna-pengguna yang dianjurkan oleh sesuatu kesatuan dalam musim-musim perayaan adalah sebagai membantah kenaikan harga yang melambung akan
 - A. menaikkan lagi harga barangan 'A' dalam jangka pendek.
 - B. menggalakkan turunnya harga barangan 'A' dalam jangka panjang.
 - C. merugikan penjual-penjual runcit barangan 'A' tetapi tidak merugikan pembekalnya.
 - D. menguntungkan pengguna-pengguna yang tidak turut serta pemuluan itu.
3. Di antara penentu-penentu penawaran adalah seperti berikut *kecuali*
 - I. Citarasa
 - II. Pendapatan Pengguna
 - III. Teknologi
 - IV. Jumlah Penjual
 - A. I sahaja
 - B. I dan II sahaja
 - C. I, II dan III sahaja
 - D. semuanya

Carta I: Anjakan Penawaran

4. Keluk penawaran kondominium seperti di atas (**Carta I**) menunjukkan bahawa satu anjakan yang dramatik ke kanan telah berlaku pada bulan November lepas. Apa yang telah terjadi sehingga menyebabkan anjakan itu?
- I. Faktor cukai telah dikurangkan oleh Kerajaan Tempatan
 - II. Permintaan terhadap kondominium telah berubah
 - III. Harga jualan kondominium telah berubah
 - IV. Tiada perubahan dalam jangkaan
- A. I sahaja
 - B. I dan II sahaja
 - C. I, II dan III sahaja
 - D. semuanya betul
5. Ekonomi campuran ialah ekonomi yang mempunyai
- A. perdagangan dalam dan luar negeri
 - B. sektor kewangan dan sistem mata wang asing
 - C. pemilikan persendirian dan awam
 - D. sektor pertanian dan industri

(Carta II untuk Soalan 6 hingga 9)

Carta II: Keluk Kemungkinan Pengeluaran



6. Keluk kemungkinan pengeluaran di atas menggambarkan prinsip-prinsip berikut:
- I. Sumber-sumber terhad
 - II. Kos melepas
 - III. Penentuan harga
 - IV. Persaingan
- A. I sahaja
 - B. I dan II sahaja
 - C. I, II dan III sahaja
 - D. semuanya
7. Merujuk kepada **Carta II**; titik-titik yang mana menunjukkan bahawa penggunaan maksima terhadap keupayaan pengeluaran?
- A. X, B & Y
 - B. B, Y & C
 - C. A, B & C
 - D. A, B & X
8. Merujuk kepada **Carta II**; titik X menunjukkan kombinasi keluaran sebanyak 5 unit barangan B dan 2 unit barangan A. Maka ini bermakna,
- I. dengan bergerak dari titik A ke titik X, seumpama pertambahan 2 unit A tercapai tanpa melepaskan potensi barangan B.
 - II. titik X adalah di luar dari keupayaan pengeluaran.
 - III. kesemua faktor-faktor pengeluaran dan teknologi yang wujud harus digunakan untuk mengeluarkan barangan B.
 - IV. Titik X boleh dicapai tanpa buat apa-apa.
- A. I sahaja
 - B. I dan II
 - C. I, II dan III
 - D. semuanya betul

9. Merujuk kepada **Carta II**: titik yang manakah menunjukkan bahawa pembaziran dari segi tidak menggunakan sumber-sumber yang ada dengan sepenuhnya.
- A. Titik X
 - B. Titik Y
 - C. Titik C
 - D. Titik A
10. Apabila sesebuah firma menambahkan penggunaan suatu input faktor dari sifar, maka keluaran marginal input faktor tersebut
- A. mula-mula rendah kemudian naik secara berterusan
 - B. mula-mula tinggi, kemudian turun secara berterusan
 - C. mula-mula rendah tetapi naik dan kemudian turun semula
 - D. mula-mula tinggi kemudian turun dan naik semula

(Pilihan jawapan untuk Soalan 11 hingga 14)

- A. Oligopoli
 - B. Monopoli persaingan
 - C. Persaingan sempurna
 - D. Monopoli
11. Firma A mengeluarkan keseluruhan penawaran barangan dan perkhidmatan dalam pasaran. Maka Firma A adalah _____
12. Dalam struktur pasaran apakah apabila untung tulin paling tidak mungkin diperolehi dalam jangkamasa panjang? _____
13. Struktur pasaran yang manakah mencegah permuafakatan rahsia (*cartel*) di kalangan pengeluar? _____
14. Apabila sebuah firma harus mempertimbangkan pesaing-pesaingnya sebelum mengambil keputusan menurunkan harga, ia beroperasi di dalam pasaran _____
15. Untung normal didefinisikan sebagai
- A. tingkat untung purata bagi beberapa tahun tertentu.
 - B. tingkat untung yang diperolehi apabila semua faktor-faktor berubah.
 - C. tingkat untung dalam jangka panjang apabila jumlahnya sekadar cukup bagi mengekalkan sesebuah firma dalam satu industri.
 - D. tingkat untuk yang dicapai dengan menyamakan kos marginal dengan hasil marginal.

16. Seorang pengusaha yang memaksimumkan untungnya menggunakan buruh, di mana penawaran buruh itu sentiasa anjal. Manakah di antara kenyataan-kenyataan berikut *benar* bagi pengusaha itu?
- A. dengan modal yang tertentu ia akan menggunakan jumlah pekerja yang akan mengeluarkan keluaran yang paling banyak mungkin.
 - B. ia akan menambah lagi jumlah pekerja hinggalah tambahan kos dari sebab menggunakan seorang lagi pekerja betul-betul sama dengan tambahan kepada hasil dari keluarannya.
 - C. harga barangannya tidak akan menjejaskan keseimbangan penggunaan buruh oleh firma dalam pasaran yang tertentu.
 - D. ia akan berada dalam keadaan keseimbangan dalam penggunaan buruhnya ketika terdapat perbezaan yang paling besar antara upah marginal dengan keluaran hasil marginal.
17. Ciri-ciri unik industri binaan yang membezakan ia dari industri lain adalah dalam segi,
- I. penentu-penentu permintaannya.
 - II. kaedah penentu harga sesuatu projek.
 - III. sifat fizikal barangan keluarannya.
 - IV. struktur industri serta organisasi proses pembinaan.
- A. I sahaja
 - B. I dan II sahaja
 - C. I, II dan III sahaja
 - D. semuanya betul

Jadual I: Tahap output/keluaran mutlak seorang pekerja dalam sektor binaan, secara relatif kepada sektor-sektor industri lain di negara A: Nilai ditambah kasar per orang pekerja pada tahun 1984

Industri	RM
Binaan	10,000
Semua Industri	13,500
Semua Pembuatan	14,000
Kimia	25,500
Pembuatan Logam	15,700
Pembuatan Kereta	13,000
Kejuruteraan Mekanikal	13,600
Tekstil	9,000

18. Dari **Jadual I** di atas maka daya pengeluaran sektor binaan berbanding dengan sektor-sektor lain
- I. adalah rendah secara relatif
 - II. adalah sangat rendah daripada sektor pembuatan
 - III. adalah tinggi sedikit dari sektor tekstil
 - IV. adalah sama dengan sektor tekstil
- A. I sahaja
 - B. I dan II sahaja
 - C. I, II dan III sahaja
 - D. semuanya betul
19. Sekiranya sektor binaan dianggap mempunyai daya pengeluaran yang rendah, apakah langkah-langkah yang harus diambil untuk meningkatkan daya pengeluarannya?
- I. mengurangkan tempoh masa binaan
 - II. memperbaiki pengurusan tapak bahan-bahan pengeluaran
 - III. menambah lagi penggunaan buruh
 - IV. mengurangkan penggunaan loji-loji
- A. I sahaja
 - B. I dan II sahaja
 - C. I, II dan III sahaja
 - D. semuanya betul

20. Yang mana satukah di antara jenis-jenis nisbah berikut *tidak sesuai* untuk ukuran-ukuran daya pengeluaran sektor binaan.
- I. Pusingganti jualan per pekerja secara terus
 - II. Keuntungan kasar sebelum cukai sebagai peratusan dari pusingbalik jualan.
 - III. Nilai ditambah kasar per orang yang bekerja pada harga semasa
 - IV. Keluaran per orang yang bekerja pada harga malam
- A. I sahaja
 - B. I dan II sahaja
 - C. I, II dan III sahaja
 - D. semuanya betul
21. Pendapatan negara boleh pada prinsipnya dikira mengikut semua kaedah-kaedah berikut *kecuali*:
- A. cara keluaran
 - B. cara pendapatan
 - C. perbelanjaan
 - D. tabungan

Jadual II: Nilai ditambah dalam beberapa tahap pengeluaran

Tahap-Tahap Pengeluaran	Nilai Transaksi (RM)	Nilai Ditambah (RM)
1. Industri 'A' menjual keluli kepada Industri 'B'.	50	50
2. Industri 'B' membentuk keluli menjadi badan kereta dan menjual kepada Industri 'C'.	80	30
3. Industri 'C' menyiapkan kereta dan menjualnya.	100	20
	<u>230</u>	<u>100</u>

22. Manakah antara kenyataan-kenyataan berikut *benar* merujuk kepada **Jadual II** di atas.
- I. Ia adalah satu kaedah pengeluaran untuk mengukur pendapatan negara.
 - II. Ia melibatkan jumlah wang semua keluaran barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam ekonomi.
 - III. Ia mengelak usaha mengira dua kali sekiranya input perantaraan dan produk terakhir dicampurkan bersama.
 - IV. Nilai ditambah setiap industri adalah sama dengan nilai jualan terakhir kepada pengguna.
- A. I sahaja
 - B. I dan II sahaja
 - C. I, II dan III sahaja
 - D. semuanya betul

Jadual III: Perbandingan Keluaran Negara Kasar antara negara-negara tahun 1988

Negara	Jumlah KNK (Billion US Dollar)	KNK Perkapita (US Dollar)
J	4864	19770
K	1758	14340
L	26	13600
M	6	120

23. Merujuk kepada **Jadual III**, semua kenyataan-kenyataan berikut adalah benar *kecuali*:
- KNK perkapita purata hanya satu fenomena statistik. Mungkin lebih ramai lagi rakyat-rakyat di negara J boleh mendapati lebih banyak barangan dan perkhidmatan berbanding dengan angka perkapita yang tertera.
 - Negara J mempunyai taraf hidup yang tinggi secara relatif.
 - Seorang rakyat tipikal negara L adalah sama mewah dengan rakyat tipikal negara J.
 - Secara purata seorang rakyat negara L boleh mendapatkan sebanyak barangan dan perkhidmatan setiap tahun seperti seorang rakyat negara J, jika KNK diagihkan dengan cara yang sama.
24. Daripada senarai objektif-objektif dasar makro ekonomi berikut, pilih pasangan yang mungkin sering berkonflik.
- Gunatenaga penuh dan kestabilan harga
 - Pertumbuhan ekonomi dan kestabilan harga
 - Lebihan imbalan pembayaran dan kestabilan harga
 - Gunatenaga penuh dan pertumbuhan ekonomi
- I sahaja
 - I dan II sahaja
 - I, II dan III sahaja
 - semuanya betul

(Pilihan jawapan untuk Soalan 25 dan 26)


Jadual IV: Perbandingan Prestasi Ekonomi: Prestasi % Purata Setahun (1980an)

Negara	Inflasi	Kadar Pengangguran	Pertumbuhan Sebenar
A	2.6	6.1	1.1
B	6.1	2.5	3.7
C	4.6	7.2	2.9
D	6.5	9.3	0.8

25. Negara manakah berjaya mengurangkan inflasi tetapi mengalami pertumbuhan ekonomi yang sangat perlahan? _____


26. Negara manakah mempunyai pertumbuhan ekonomi yang sangat cepat dan mempunyai kadar pengangguran yang rendah tetapi kadar inflasi yang tinggi secara relatif? _____

Carta II: Keluk Fungsi Penggunaan



27. **Carta II** di atas menunjukkan Keluk CC_1 adalah fungsi pengguna. Pada pendapatan negara Y_1 , maka BD menunjukkan jumlah pendapatan negara yang
- A. tidak ditabung
 - B. tidak dibelanjakan
 - C. dilaburkan
 - D. tabungan negatif

Carta III: Keluk Penggunaan dan Pelaburan



28. **Carta III** di atas menunjukkan C sebagai fungsi penggunaan dan I adalah suatu tingkat pelaburan. Jika OY menunjukkan pendapatan negara semasa gunatena penuh, maka jurang inflasi adalah,
- A. YP
 - B. Y_1R
 - C. QR
 - D. PQ

29. Di dalam industri binaan, sudut permintaan adalah untuk barangan pelaburan di mana kegunaan terakhir adalah:
- I. untuk pengeluaran selanjutnya, contoh kilang-kilang.
 - II. sebagai pertambahan atau pembaikan kepada infrastruktur ekonomi seperti jalanraya.
 - III. sebagai pelaburan sosial, seperti hospital-hospital.
 - IV. sebagai barangan pelaburan untuk kepuasan contohnya rumah kediaman.
- A. I sahaja
 - B. I dan II sahaja
 - C. I, II dan III sahaja
 - D. semuanya betul
30. Pelaburan tetap:
- A. meningkatkan aset kewangan
 - B. menambah stok modal sebenar dalam ekonomi
 - C. menambahkan tabungan penduduk
 - D. meningkatkan penggunaan
31. Sebuah firma pengangkutan sedang mempertimbangkan sama ada hendak menukar sebuah lori kenderaannya. Setelah mempertimbangkan semua faktor-faktor, firma tersebut mengambil keputusan untuk tidak membuat penukaran. Yang manakah di antara perubahan-perubahan berikut mungkin menyebabkan firma itu menimbangkan bahawa penukaran itu boleh menguntungkan?
- A. Pemanjangan anggaran ketahanan usia kenderaan pengganti
 - B. Peningkatan kadar keusangan kenderaan perdagangan baru
 - C. Pengurangan banyaknya pinjaman yang sedia diberi oleh bank-bank
 - D. Kenaikan kadar faedah
32. Kos lepas untuk meningkatkan pelaburan supaya mencapai pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat ialah:
- A. Kenaikan kos upah
 - B. Perlunya menangguhkan penggunaan
 - C. Memungkin bertambahnya kadar inflasi
 - D. Perlunya menaikkan cukai

(Pilihan jawapan untuk Soalan 33 dan 36)

- A. Penggunaan kadar insentif cukai, deregulasi dan lain-lain mekanisme seperti latihan kemahiran, kawalan harga dan upahan, serta perdagangan bebas; untuk menambah keupayaan dan keinginan untuk mengeluarkan barangan dan perkhidmatan.
 - B. Penggunaan kawalan kewangan dan kredit (seperti kadar diskaun, pasaran terbuka, keperluan rezab) untuk mempengaruhi aktiviti ekonomi.
 - C. Penggunaan potongan atau penambahan cukai dan perubahan perbelanjaan kerajaan untuk mengubah natijah makro ekonomi.
 - D. Penggunaan keupayaan semulajadi ekonomi untuk mencapai gunatenaga penuh.
33. Definisi manakah sesuai untuk menerangkan dasar fiskal? _____
34. Definisi manakah sesuai untuk menerangkan dasar kewangan? _____
35. Definisi manakah sesuai untuk menerangkan pendekatan klasik? _____
36. Definisi manakah sesuai untuk menerangkan dasar sudut penawaran? _____

Kotak I

Apabila kerajaan pusat meletakkan lebih banyak kontrak kerajaan sehingga mengembangkan jumlah kerja yang dilaksanakan dalam sektor awam, ini akan terus melibatkan lebih banyak peluang pekerjaan dan lebih banyak wang dapat diperolehi, di mana lebih banyak barangan boleh dibeli dan pertumbuhan ekonomi terjadi. Sebaliknya jika kerajaan mengurangkan kadar cukai maka pengguna-pengguna mempunyai lebih banyak wang untuk dibelanja dan menambahkan permintaan pengguna serta menghasilkan keperluan untuk pengeluaran lebih. Maka peluang pekerjaan dicipta dan pertumbuhan ekonomi tercapai.


37. Keterangan di dalam **Kotak I** di atas adalah satu bentuk dasar:
- A. Pendekatan Klasik
 - B. Kewangan
 - C. Fiskal
 - D. Sudut Penawaran

38. Yang mana satu dasar-dasar berikut besar kemungkinan berunsur deflasi.
- A. Turunnya cukai pendapatan
 - B. Bertambah baik kadar pertukaran asing
 - C. Bertambah kadar cukai ke atas barang-barang import
 - D. Berkurangnya deposit wajib yang perlu diletakkan di Bank Pusat
39. Yang mana satu dasar berikut besar kemungkinannya untuk mengurangkan "kos memiliki" rumah?
- A. Pengurangan kadar cukai pendapatan
 - B. Pertambahan cukai atas tanah
 - C. Pengurangan kadar faedah
 - D. Pertambahan pada kadar faedah pinjaman
40. Yang mana satukah dari berikut membenarkan pihak yang berkuasa menambah bekalan wang.
- A. Pengangguran dan Inflasi
 - B. Pengangguran dan lebih pada imbalan pembayaran
 - C. Pengangguran dan kurang pada imbalan pembayaran
 - D. Inflasi dan lebih pada imbalan pembayaran
41. Jika dalam situasi gunatengah penuh, yang mana satu dari berikut paling mungkin menyebabkan inflasi?
- A. Pertambahan kuantiti wang
 - B. Kadar faedah yang lebih tinggi
 - C. Pelaburan yang dikurangkan dalam sektor awam
 - D. Pengurangan pada kecairan bank
42. Apabila penawaran wang melimpahi sesuatu pasaran dalam negara maka
- A. nilai wang akan bertambah
 - B. nilai wang akan turun
 - C. nilai wang tidak berubah
 - D. tiada nilai wang
43. Yang mana satukah dari berikut barangkali paling berkesan dalam mengurangkan pertumbuhan penawaran wang.
- A. Pengurangan kadar pinjaman minima
 - B. Pertambahan bahagian perbelanjaan awam yang dibiayai oleh pinjaman bank
 - C. Pertambahan nisbah rezab bank perdagangan
 - D. Pengurangan deposit khas

44. Bertambah baiknya kuantiti wang tidaklah begitu mungkin disertai dengan kenaikan harga bila
- A. kadar pengangguran rendah
 - B. inflasi berlaku
 - C. bila kadar pengangguran tinggi
 - D. kadar perkembangan ekonomi perlahan
45. Kemelesetan Besar (*Great Depression*) berlaku antara tahun 1929 – 1932 di keliling dunia di mana kebanyakan negara-negara mengalami kerugian besar. Kerugian yang dimaksudkan melibatkan
- A. pengeluaran sahaja
 - B. pengangguran sahaja
 - C. pengeluaran dan pengangguran
 - D. harga dan pengeluaran
46. Menurut satu laporan belanjawan, negara A dijangka akan mencapai pertumbuhan KDNK sebenar sebanyak 4.0% pada tahun 1999. Tetapi usaha-usaha kerajaan telah menghasilkan pemulihan ekonomi yang ketara berbanding dengan penguncupan (*contraction*) sebanyak 7.5% pada tahun 1998. Dalam tempoh yang begini singkat nilai pusing balik adalah sebanyak
- A. 3.5%
 - B. 7.5%
 - C. 11.5%
 - D. 4.0%
47. Yang manakah antara berikut tidak diambilkira sebagai faktor pengeluaran?
- A. Modal
 - B. Keluaran
 - C. Tanah
 - D. Kemahiran
48. Pulangan bertambah kurang timbul kerana
- A. unit tambahan bagi sesuatu barangan bermakna nilai faedah yang semakin rendah bagi tiap-tiap unit.
 - B. keluaran tambahan boleh dijual hanya pada harga yang lebih rendah.
 - C. faktor pengeluaran bukannya pengganti yang sempurna antara satu sama lain.
 - D. pekerja tambahan boleh diperolehi untuk bekerja hanya pada kos upah yang lebih tinggi.

(Carta untuk Soalan 49 dan 50)

Carta IV: Hukum Pulangan Berkurangan



49. Yang manakah keluk keluaran marginal?

- A. OA
- B. OB
- C. OC
- D. tiada satu pun di atas

50. Yang manakah keluk keluaran purata?

- A. OA
- B. OB
- C. OC
- D. tiada satu pun di atas

BAHAGIAN B (SUBJEKTIF)

Bahagian I (Pilih dan Jawab SATU soalan sahaja).

1. Keanjalan permintaan dari harga menunjukkan kesensitifan atau gerakbalas permintaan barangan terhadap sebarang perubahan harga. Keanjalan penawaran menunjukkan sejauhmana gerakbalas kuantiti penawaran sesuatu barangan atau perkhidmatan terhadap perubahan harga.
 - (a) Terangkan kedua-dua keanjalan yang dinyatakan di atas dengan merujuk kepada darjah-darjah atau bentuk keanjalan yang harus wujud.
 - (b) Bagaimanakah konsep keanjalan permintaan digunakan oleh;
 - (i) seorang pembekal barangan
 - (ii) pihak kerajaan

(25 MARKAH)

2. Boleh dikatakan bahawa mana-mana sistem pasaran dapat mencapai satu keseimbangan antara penawaran dan permintaan untuk menghasilkan harga keseimbangan.
 - (a) Terangkan bagaimana timbulnya keadaan seperti yang dinyatakan di atas menggunakan lakaran keluk-keluk yang sesuai.

Sebaliknya jika pihak-pihak tertentu cuba menetapkan harga minima dan maksima, maka seharusnya ini akan menimbulkan kesan-kesan tertentu dalam pasaran.

 - (b) Bincangkan kesan-kesan tersebut dalam situasi di mana harga ditetapkan sebagai maksima, di **bawah tahap harga** pasaran, contohnya melalui Akta Kawalan Sewaan.
 - (c) Bincangkan kesan-kesan tersebut dalam situasi di mana harga ditetapkan sebagai maksima, **di atas tahap harga** pasaran, contohnya melalui tindakan kesatuan sekerja terhadap bayaran upahan.

(25 MARKAH)

3. Kos pengeluaran yang ditanggung oleh sesebuah firma dianggap sebagai perbelanjaan wang terhadap sumber-sumber yang digunakan untuk keluaran.

- (a) Apakah kos-kos yang terlibat? Huraikan setiap satu dengan bantuan lakaran keluk-keluk yang sesuai.

Firma tersebut kelak akan membuat keputusan untuk menentukan tahap keluaran berdasarkan keluk permintaan dan situasi kos yang dioperasi. Dengan menggunakan keluk-keluk kos marginal, kos purata, hasil marginal dan hasil purata, terangkan bagaimana tahap keluaran ditentukan.

- (b) Untuk firma dalam pasaran persaingan sempurna.

- (c) Untuk firma dalam pasaran monopoli.

(25 MARKAH)

Bahagian II (Pilih dan Jawab SATU soalan sahaja).

1. Huraikan istilah 'industri', kemudian gunakan contoh industri binaan dan bincangkan dari segi permintaan dan penawaran.
(25 MARKAH)

2. (a) Pembentukan modal kasar merupakan pelaburan untuk masa depan ekonomi sesebuah negara. Sekiranya industri binaan mengeluarkan lebih dari 50 peratus dari keseluruhan pembentukan modal dalam negara kasar, terangkan kepentingan sumbangan ini?
(b) Namun begitu, jumlah pelaburan yang dibelanjakan oleh sesebuah firma di dalam satu tempoh ditentukan oleh beberapa faktor yang kompleks. Bincang dari segi membuat keputusan untuk melabur dalam pembinaan bangunan.
(25 MARKAH)

3. "Keluk Phillips mencadangkan bahawa pengangguran yang tinggi telah dikaitkan secara relatif dengan inflasi upahan yang rendah".
(a) Dengan menggunakan lakaran keluk yang sesuai, terangkan kenyataan di atas.
(b) Apakah faktor-faktor yang menyebabkan inflasi upahan yang tinggi serta pengangguran yang tinggi?
(25 MARKAH)

oooOOOooo

